**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)**
**BIL. 4-2020/2021**

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **25 JANUARI 2021 (ISNIN)** |
| **MASA** | **:** | **9.00 PAGI** |
| **TEMPAT** | **:** | **SECARA DALAM TALIAN (Webex)** |

| BIL | HADIR | FAKULTI/JABATAN | S/K |
|---|---|---|---|
| 1. | Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim | Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi) | 3/4 |
| 2. | Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid | Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL) | 4/4 |
| 3. | Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz | Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL) | 4/4 |
| 4. | Dr. Norah binti Md Noor | Sekolah Pengajian Siswazah | 3/4 |
| 5. | En. Asram bin Sulaiman @Saim | Fakulti Kejuruteraan | 3/4 |
| 6. | En. Zurik Azaham bin Aris | Malaysian-Japan International Instituteof Technologi (MJIIT) | 4/4 |
| 7. | Pn. Khairani binti Ibrahim | Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO) | 4/4 |
| 8. | En. Nasir bin Osman | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR) | 3/4 |
| 9. | Cik Hazlina binti Stam | Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) | 4/4 |
| 10. | Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar | Fakulti Sains (FS) | 4/4 |
| 11. | Pn. Hafizah binti Ahmad | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR | 2/3 |
| 13. | Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad | Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) | 4/4 |
| 14. | Puan Safriza binti Sabjah | Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) | 4/4 |
| 15. | En. Mohd Zaires Md Daris | Sekolah Pengajian Siswazah | 4/4 |

| BIL | TIDAK HADIR (DENGAN MAAF) | FAKULTI/JABATAN | S/K |
|---|---|---|---|
| 1. | Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil | Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) | 0/4 |
| 2. | En. Khairull Azmi bin Ishak | Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH) | 0/4 |
| 3. | Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar | Fakulti Sains | 0/4 |
| 4. | En. Abdul Razak Abdul Aziz | Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) | 2/4 |
| 5. | En. Abdul Jalil bin Maulani | Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) | 1/4 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | Puan Norharyani binti Hamid | Azman Hashim Business School (AHIBSKL) | 2/4 |
| 7. | Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan | Azman Hashim Business School (AHIBSKL) | 3/4 |
| 9. | Pn. Najwa binti Mohamed | Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) | 2/4 |
| 10 | Pn. Nor Qamariah binti Othman | Azman Hashim Business School (AHIBSJB) | 2/4 |
| 12. | Pn. Farahana binti Ahmad | Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL) | Cuti Bersalin |

| BIL | TURUT HADIR | FAKULTI/JABATAN |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Fadhilah binti Yusof | Fakulti Sains |
| 2. | Prof. Dr. Ahmad Baharudin bin Abd. Rahman | Fakulti Kejuruteraan |
| 3. | Prof. Dr. Izman bin Sudin | Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM) |
| 4. | Prof. Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi | Sekolah Komputeran |
| 5. | Prof. Madya Dr. Azlina binti Kosnin | Sekolah Pendidikan |
| 6. | Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli | Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA) |
| 7. | Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar | Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT) |
| 8. | Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah | Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE) |
| 9. | Prof. Madya Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali | Malaysian-Japan International Instituteof Technologi (MJIIT) |
| 10. | Prof. Madya Dr. Rohaida binti Basiruddin | Azman Hashim Int. Business School (AHIBSKL) |
| 11. | Prof. Madya Dr. Radziah binti Mohamad | Sekolah Komputeran |
| 12. | Prof. Madya Dr. Naz'ri bin Mahrin | Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR) |
| 13. | Dr. Dewi Fariha Abdullah | Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB) |
| 14. | Dr. Tan Tian Swee | Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan |
| 15. | Cik Norazlina binti Azizi | Urus setia |
| 16. | Pn. Nor Kamsiah binti Manan | Urus setia |
| 17. | Puan Eka Amira binti Rahim | Urus setia |

| | | |
|---|---|---|
| 18. | Pn. Sanisah Hussein | Urus setia |
| 19. | Nurul Nadzinah Binti Miran Han | Urus setia |
| 20. | Nur Saffa binti Md Khdis | Urus setia |
| 21. | Cik Nor Anies binti Tilun | Urus setia |
| 22. | Puan Julianah binti Samion | Urus setia |
| 23. | Pn. Noraliza binti Tasiran | Urus setia |

## 1.0 ALUAN PENGERUSI

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir pada mesyuarat kali ini. Beliau juga mengucapkan selamat datang kepada Prof. Madya Dr. Naz'ri bin Mahin yang sedang menjalankan tugas Timbalan Dekan (FTIR) bagi menggantikan Prof. Madya Dr Khairur Rijal Jamaludin yang sedang cuti sabatikal selama 3 bulan. Seterusnya Pengerusi menyampaikan makluman dan perkembangan berkenaan perkara-perkara berikut:

### 1.1 Statistik Graduan Dan GOT Januari 2021

Pengerusi membentangkan statisitk graduan dan graduan GOT bagi bulan Januari 2021. Berikut adalah perangkaan graduan dan graduan GOT yang telah dibentangkan di dalam JKTS P&P bulan Januari 2020 dan akan dibawa ke Mesyuarat Senat bulan ini. GOT pada tahun lepas lebih baik dari tahun 2019 dengan peningkatan 13% dan ia akan membantu markah MyRA kepada UTM. SPS telah menghantar surat terima kasih kepada semua dekan dan berharap dapat memanjangkan ucapan terima kasih tersebut kepada semua staf yang telah memberikan kerjasama dalam pengurusan pengajian pascasiswazah ini.

Graduan PhD sehingga Januari 2021 adalah seramai 28 orang dan 7 orang mendapat GOT.

Bagi sarjana pula graduan bulan ini adalah 12 dan belum ada yang GOT. Pengerusi berharap ada inisiatif fakulti untuk melihat dan mengenalpasti pelajar sarjana ini jika ada masalah untuk memasuki kampus kerana keutamaan hanya diberikan kepada pelajar PhD. Tetapi sekiranya pelajar mempunyai keutamaan untuk berada di fakulti, mohon membantu mereka membuat permohonan ke HEP.

**Makluman : Semua**

### 1.2 Sasaran Graduan 2021

Sasaran graduan 2021 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JKTS P&P yang lalu dan diharap data yang berbentuk excel yang telah dihantar oleh pihak SPS dapat digunakan untuk mencapai sasaran akan datang. Mungkin ianya tidak sempurna kerana dalam menyediakan dokumen tersebut, SPS perlu merujuk kepada beberapa data base demi mengeluarkan senarai nama sasaran graduan tersebut. Diharap setelah My AIMS siap, ianya akan dapat digunakan sebagai satu platform untuk penyediaan sasaran ini. Mohon sekiranya jika terdapat kesilapan di dalam data yang dimajukan dapat dimaklumkan kepada pihak urusetia.

Sasaran graduan PhD bagi tahun 2021 iaitu dianggarkan seramai 516 graduan. Bagi fakulti yang mempunyai perangkaan sasaran graduan yang besar sudah boleh mula merancang dan melihat data dan maklumat sert senarai pelajar yang diberikan ini untuk membantu dan mengambil tindakan perlu kepada pelajar-pelajar yang berpotensi untuk digraduankan pada tahun ini bagi maksud mencapai sasaran masing-masing.

Graduan sarjana yang disasarkan untuk bergraduan pada tahun ini adalah seramai 166 pelajar.

**Makluman : Semua**

### 1.3 Pengurusan Akademik

#### 1.3.1 Perlaksanaan Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah & Perlaksanaan Kelayakan Fast Track PhD terkini.

Pada tahun 2020 pihak SPS telah buat pindaan bagi perlaksanaan Penganugerahan Ijazah lebih rendah dan prelaksanaan ujian kelayakan fast track PhD. Ini lanjutan teguran terhadap UTM di dalam audit SWAA akreditasi dimana pelaksanaan pengijazahan lebih rendah ini telah diminta untuk diubah dan dibaiki. Berikutan itu, SPS telah membuat pindaan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah bermula pelajar baharu kemasukan/ambilan semester II 2019/2020 dan seterusnya.

Untuk pengajian program PhD, pelajar yang mendapat keputusan D tidak lagi diberikan ijazah lebih rendah.

Sebaliknya pelajar adalah diminta untuk mendaftar semula sebagai pelajar Sarjana selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan dari tarikh VIVA. Perincian bayaran yuran berkaitan masih lagi belum diperolehi dari pihak bendahari. Pelajar – pelajar ini tidak akan membuat peperiksaan lisan semula tetapi penilaian tesis akan dinilai/diperiksa oleh kedua-dua penilai iaitu penilai dalam dan penilai luar. Pelajar juga akan mendapat kemudahan pindah kredit bagi kursus Kaedah Penyelidikan dan kursus umum universiti. Pelajar boleh mengekalkan topik penyelidikan memperbaiki tesis berdasarkan komen yang diterima dari pemeriksa dan menggunakan penerbitan yang sama.

Tajuk penyelidikan dibenarkan untuk diubah tetapi bukan pengisian tesis tersebut. Tempoh 12 bulan ditetapkan berdasarkan tempoh minimum menghantar tesis bagi calon Sarjana Penyelidikan berdasarkan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran, MQA.

Pelaksanaan ujian kelayakan PhD fast track yang baharu ini terpakai bermula kemasukan/ambilan semester II 2019/2020 yang berkemungkinan pelajar ini akan mula menjalani ujian/peperiksaan kelayakan dalam masa terdekat atau dalam tempoh 18 bulan. Bagi pelajar fast track, jika sebelum ini akan menduduki 2 kali peperiksaan dalam tempoh 6 hingga 18 bulan untuk menentukan pelajar boleh meneruskan PhD atau pelajar mendaftar sebagai pelajar Sarjana penyelidikan. Pelaksanaan yang terdahulu jika ditukarkan ke sarjana penyelidikan, tempoh pengajiannya disambung dari tempoh pengajian PhD. Manakala pelaksanaan yang baharu ini, sekiranya pelajar tidak layak meneruskan PhD, pelajar ditukarkan kepada Sarjana penyelidikan dan tempoh pengajian akan dikira semula sebagai tempoh pengajian yang baharu.

Dr Mohamed Sukri bin Mat Ali bertanyakan tentang keperluan pelajar yang mendaftar semula sebagai pelajar Sarjana penyelidikan disebabkan keputusan gred D menjalankan ujian penilaian pertama semula. Pengerusi memaklumkan tiada lagi ujian penilaian pertama yang akan dilakukan kerana pelajar telah pun melalui VIVA PhD. Walaubagaimanapun, Fakulti boleh membantu untuk membuat semakan tesisnya semula jika perlu.

**Makluman : Semua**

#### 1.3.2 Laporan Kemajuan Pelajar

Pengerusi membentangkan laporan kemajuan pelajar dan statistik terkini berkenaannya. Terdapat 5% pelajar yang tidak menghantar laporan kemajuan. Di samping itu, terdapat kecelaruan data sedikit di dalam sistem pelaporan POWER BI dimana pelajar mod campuran yang tidak mendaftar disertasi juga termasuk di dalam data tersebut Data tersebut telah dikeluarkan oleh SPS secara manual berdasarkan senarai nama yang diberikan oleh Fakulti/ Sekolah dan pihak SPS sedang berusaha untuk memurnikan data pelaporan tersebut untuk masa akan datang.

Terdapat juga kes-kes rayuan yang diterima dan dikumpulkan untuk dipertimbangkan. Selain itu, terdapat juga beberapa pelajar yang tidak dapat masuk ke dalam sistem kerana masalah teknikal. Pihak SPS akan membuat semakan dan akan membenarkan pelajar tersebut mengisi laporan kemajuan dalam tempoh terdekat ini. Ada juga terdapat pelajar yang tidak mengetahui tentang status penyelia mereka yang telah bersara dan hanya menyedari setelah laporan kemajuan tersebut tidak dapat dihantar. Ini menyebabkan pihak SPS terpaksa menguruskan pertukaran penyelia mereka di saat-saat akhir. Dicadangkan kepada fakulti agar sentiasa mengingatkan pelajar untuk menyemak GSMS bagi memastikan pelajar sentiasa mendapat maklumat terkini dan mengetahui status penyelia. Mulai 1 Februari 2021, pelajar yang masih tidak mengisi laporan kemajuan perlu diuruskan oleh Fakulti untuk menentukan gred peperiksaan semester ini.

Penilaian laporan kemajuan oleh penyelia masih lagi dibuka sehingga 29 Januari 2021. Pengerusi memohon untuk pihak Fakulti mengingatkan semua pensyarah untuk menilai pelajar di bawah seliaannya kerana berdasarkan statistik terkini pada 24 Januari 2021 masih terdapat 2390 laporan kemajuan yang tidak dinilai.

**Tindakan : Semua Fakulti**

**1.3.3 Perancangan Kursus Penyeliaan**

Kursus penyeliaan AS 101 (MAC 2021), AV 101 (JUN 2021), AS 104 (JULAI 2021) dan AS 201 (OGOS 2021) akan ditawarkan oleh pihak UTMLead mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan. Mohon semua ahli untuk berkongsi maklumat ini kepada semua pensyarah di fakulti.

**Makluman : Semua**

**1.3.4 Kualiti Pelajar Pascasiswazah**

Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan oleh PGSS disetiap fakulti. Beberapa pensyarah telah dilantik sebagai penasihat untuk membantu PGSS dan diberikan peruntukan untuk program-program pascasiswazah. Pengerusi berharap fakulti memberi sokonan kepada pelajar-pelajar tersebut yang mungkin akan meminta kerjasama bersama dengan fakulti untuk menjalankan program-program yang dirancang . Program yang terkini adalah pertandingan UTM Speaks-up yang telah mendapat respon yang baik dari pelajar di mana ia melebihi sasaran yang ditetapkan. Pertandingan ini adalah untuk mencari bakat bagi mewakili universiti. Pertandingan ini juga adalah salah satu KAI JTNCAA.

Aktiviti PGSS UTM:

i. UTM Speaks Up 2021

ii. FAMELAB 2021

iii. Research Carnival Week : 3MT, Grex, FORUM

iv. Materials Lecture Competition 2021

v. Post-Graduate Online Structured:

1. Building online presence
2. Upskilling and cross skilling program on soft skills with industry
3. Entrepreneurial course

vi. Copyrights on lecture video

**Makluman: Semua**

**1.3.5 Penajaan**

Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat biasiswazah telah bersidang dan telah memilih calon-calon yang menerima IDF/NPF. Seramai 115 pelajar antarabangsa menerima biasiswazah IDF dan seramai 182 pelajar tempatan yang menerima biasiswazah NPF. Keputusan telah selesai dikemaskini oleh pihak SPS dan telah dihantar kepada emel rasmi pelajar/ sistem myUTM untuk mendapatkan maklum balas penerimaan daripada pelajar.

Hebahan untuk UTM Young Scholars Grant dibuka untuk semua pelajar. Pelajar digalakkan untuk memohon kerana biasiswazah ini merangkumi bayaran yuran persidangan. Pelajar PhD boleh menerima biasiswazah maksimum RM700 manakala pelajar sarjana maksimum RM 500. Bilangan permohonan yang telah diluluskan sehingga 21 Januari 2021 adalah 23 dengan jumlah bayaran RM 12,003.71. Mohon kerjasama fakulti/penyelia untuk mewar-warkann hebahan ini untuk membantu pelajar mendapat peluang platform penerbitan dengan mengikuti persidangan secara tajaan. Permohonan boleh dilakukan dengan memuat turun borang di laman web SPS. Ianya dibuka kepada pelajar tempatan (Doktor Falsafah dan Sarjana Penyelidikan) dan pelajar antarabangsa (Doktor Falsafah sahaja) dengan syarat seperti berikut:

i. Pelajar yang berada dalam semester 1-6 bagi Doktor Falsafah

ii. Pelajar yang berada dalam semester 1-3 bagi Sarjana Penyelidikan

Prof. Madya Dr. Naz'ri bin Mahrin, FTIR mohon pencerahan bagi UTM Scholars Grant dimana pelajar PhD mendapat RM700 manakala pelajar sarjana RM 500. sedangkan untuk satu persidangan yang sama bayaran tetap harga yang sama. Apakah justifikasi yang membenarkan pelajar PhD mendapat lebih tinggi dari pelajar sarjana. Pengerusi memaklumkan bahawa tujuannya adalah lebih menjuruskan kepada pelajar PhD pergi ke persidangan yang lebih *privilege* dan *high end conference*. Manakala pelajar sarjana boleh pergi ke persidangan kebangsaan. Sehubungan dengan itu, ia akan memberi kelebihan dan peluang yang lebih kepada pelajar PhD.

**Tindakan : Semua Fakulti**

### 1.3.6 Status SKPG

Status terkini pengisian SKPG adalah seramai 1752 yang telah mengisi dan terdapat 47 orang yang belum mengisi dan akan terus untuk dihubungi bagi mengetahui status mereka. Tarikh tutup pengisian SKPG 1.0 adalah pada 31 Jan 2021. Pengisian SKPG 2.0 akan bermula pada 1 sehingga 28 Februari 2021

Dari 1752 daripadanya 1307 graduan telah bekerja. Pihak SPS akan mengumpul maklumat 47 pelajar yang belum mengisi SKPG tersebut. UTMiLeague akan cuba membantu 263 graduan yang masih belum bekerja dengan memberi peluang peningkatan kemahiran, memberi maklumat peluang-peluang pekerjaan atau memberi penawaran sambung belajar bagi pelajar Sarjana. Ini juga merupakan KAI terbesar JTNCAA sehingga tahun 2025.

**Makluman : Semua**

## 1.4 Program Pesisir

### 1.4.1 Taburan Data

Pengerusi membentangkan taburan data bagi permintaan program pesisir. Ini adalah berdasarkan dari kaji selidik yang diletakkan diwebsite SRAD. Berdasarkan kaji selidik tersebut, didapati terdapat permintaan tinggi bagi program Pengurusan Perniagaan (AHIBS). Pengerusi memaklumkan ini boleh dijadikan panduan bagi fakulti yang ingin membuka kohort baharu di lokasi yang mempunyai permintaan tinggi. Walau bagaimanapun, pengerusi memaklumkan ianya tidaklah memaksa mana-mana fakulti untuk membuka kohort baharu di lokasi tersebut dengan memahami masalah kekangan staf. Pengerusi juga mengingatkan kepada fakulti bahawa minimum bagi penawaran program baharu perlu mempunyai 15 orang pelajar dan sekiranya kurang dari jumlah tersebut yuran yang akan dikenakan adalah lebih tinggi.

Data taburan ini akan diemelkan kepada semua penyelaras program pesisir sebagai panduan.

### 1.4.2 Program Virtual Review

SPS bercadang untuk membuat program *virtual rev*iew dan memerlukan bantuan daripada penyelaras atau pengarah program-program ini yang berpotensi untuk membuat *virtual review*. Program *virtual review* ini akan digerakkan oleh Bahagian Program Pesisir & Khas, SPS yang akan menghubungi wakil-wakil fakulti bagi menyertai program virtual review ini. Sekiranya wakil-wakil ini dapat membuka kohort baharu, wakil tersebut akan menerima honorarium sebanyak RM500 bagi setiap program baharu tersebut. Sehubungan dengan itu, mohon semua untuk bersama-sama mempromosi program pesisir kerana ini adalah *income* yang bagus untuk fakulti dan sekolah.

1.4.2.1 Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar (TD SKT) bertanya sekiranya pelajar tidak mencapai 15 orang adakah perlu membuat tawaran atau tidak. Pengerusi memaklumkan boleh ditawarkan tetapi pelajar akan membayar yuran lebih tinggi. Kaedah lain adalah perlu berbincang dengan pemilik program sekiranya ada pilihan lain bagi menjimatkan kos. Dimaklumkan juga terdapat kaedah pelaksanaan secara hybrid dan ini boleh digunakan dan boleh mengurangkan sedikit yuran pelajar.

1.4.2.2 Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi bin Mohamad Piah, (TD SKE) mohon pengesahan mesyuarat untuk membuat kelas pesisir *online* dengan mengrangkumkan 2 pusat yang berlainan bagi kohort baharu yang akan datang. Pengerusi memaklumkan bahawa mengikut arahan KPT apabila diarahkan untuk membuat *blended* program maksimum 70% adalah secara online manakala selebihnya perlu secara bersemuka. Walau bagaimanapun, 100% kelas secara dalam talian hanya dibenarkan ketika covid ini. Sekiranya cadangan gabungan ini dilaksanakan perlu melihat kepada kesannya setelah berakhirnya covid nanti dimana akan berlaku perubahan yuran, lokasi dan kos-kos lain yang terlibat ( implikasi pelaksanaan secara bersemuka yang akan tetap dijalankan )

**Makluman : Semua**

## 2.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PG

Dr Norah binti Md Noor, Timbalan Pengerusi SPS membentangkan pencapaian semakan kurikulum pascasiswazah.

2.1 Semakan kurikulum pascasiswazah adalah merupakan KAI untuk tahun lepas dan sepatutnya telah selesai 100%. Walau bagaimanapun, sebanyak 85% telah dapat dicapai. Statistik pencapaian bagi semua program pascasiswazah yang melaksanakan semakan kurikulum daripada 209 keseluruhannya, sebanyak 192 terlibat pada tahun 2020.

2.2 Terdapat 4 fakulti/sekolah yang perlu ambil maklum untuk melengkapkan semakan kurikulum program-program mereka iaitu SKA, SKT, FABU dan FTIR .

2.3 Secara keseluruhan daripada 192 sebanyak 163 program telah selesai dan akan ada pertambahan di peringkat JKKA iaitu sebanyak 2 program dan di peringkat JKKU sebanyak 3 program. Pada 26 Januari 2020 akan ada mesyuarat JKKU dan terdapat 5 program dari FABU akan dibentangkan di dalam mesyuarat tersebut.

2.4 Dr Norah memaklumkan beliau akan memberi keutamaan kepada fakulti yang masih belum selesai. SKA masih terdapat 2 program lagi di peringkat JKAF dan beliau berharap program ini dapat dimasukkan ke dalam JKKU pada bulan Februari. Selepas semua selesai di JKKU, beliau akan memberi perhatian kepada mesyuarat senat sebelum kertas kerja tersebut dibawa ke JPT.

2.5 Pengerusi memaklumkan bahawa di dalam laporan SWAA dinyatakan perlu membuat semakan PLO. Laporan dan audit tersebut masih lagi belum dikeluarkan oleh pihak SWAA. Sehubungan dengan itu, pengerusi meminta kerjasama dari semua pihak pengurusan fakulti mengambil maklum perkara ini sekiranya SWAA akan membuat audit sebenar.

2.6 Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar (TD SKT) memaklumkan bahawa terdapat 3 program yang masih belum hantar ke JKAF. Dua daripada IBD iaitu program khas. Dari segi pengambilan adalah sangat kritikal dan masih lagi memikirkan cara untuk mendapat impak yang baik, salah satu program adalah hasil kerjasama dengan pihak SKA. Perbincangan telah pun dibuat dan SKT memurtuskan untuk mengekalkan pelaksanaan seperti sedia ada. Pihak fakulti pada asalnya ingin menjumudkan 2 program khas ini tetapi tidak dipersetujui oleh pihak sekolah. Program masih lagi di dalam perbincangan.

2.7 Bagi FABU, masih ada lagi 10 program yang masih belum masuk JKKU. 7 daripadanya di peringkat JKAF dan masih berbaki 3 program yang dalam proses. 5 program yang sudah lulus akan dibawa ke JKKU pada 26 Januari 2021.

Puan Nurun Nazrah (PP Akademik FABU) memaklumkan bahawa 2 daripada 3 program yang belum diproses itu telah pun dibawa ke JKAF dan hanya tinggal 1 program sahaja lagi yang belum dibentang untuk kali kedua.

2.8 Untuk makluman satu modul untuk mengemaskini kurikulum dan maklumat pekerjaan pelajar pascasiswazah telah disediakan di dalam MyAims. Ini melibatkan audit pengijzahan dan struktur program MyAims, MyUTM dan myPortal serta QAAS. Setelah dikenalpasti terdapat 4 kategori yang akan dipaparkan didalam sistem iaitu Kursus Umum Universiti, Kursus Wajib/ Teras Fakulti, Kursus Teras Program/ Pengkhususan dan Kursus Elektif.

Bagi mod penyelidikan, tiada kategori Kursus Elektif dan Kaedah Penyelidikan akan dimasukkan bawah Kursus Wajib / teras Fakulti dimana tesis akan dimasukkan bawah Kursus Teras Program/ Pengkhususan. Manakala bagi mod campuran, kaedah penyelidikan akan dimasukkan bawah Kursus Wajib/ teras Fakulti dimana disertasi akan dimasukkan bawah Kursus Teras Program/ Pengkhususan. Ini akan membantu pelajar mengetahui kursus yang boleh diambil atau yang sudah diambil. Satu bengkel akan diadakan untuk modul ini bersama staf pascasiswazah pada bulan Februari 2021 untuk memasukkan maklumat di dalam sistem dan maklumat ini penting untuk QAAS.

2.9 Didalam sistem yang disediakan akan memaaparkan status pelajar samada pelajar bekerja atau tidak bekerja. Ini kerana semua program pascasiswazah adalah berstatus sepenuh masa. Maklumat pelajar yang bekerja perlu dimasukkan di dalam pelaporan.

2.10 Untuk makluman proses hadiah akademik bagi Majlis Konvokesyen ke 64 UTM sedang berjalan dan sedang dalam proses pengesahan oleh penyelia, Timbalan Dekan Akademik / Pengurus Akademik di fakulti. Jumlah graduan adalah seramai 1754 dan jumlah yang layak seramai 511. Dari jumlah tersebut seramai 247 pelajar telah memohon. Pengesahan oleh

Penyelia, Timbalan Dekan dan Pengurus Akademik sehingga 31 Januari 2021 dan pihak urusetia SPS akan membuat proses pengesahan sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Hadiah Akademik pada 15 Februari 2021.

**Makluman : Semua**

## 3.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL . 3 - 2020/2021

Minit mesyuarat diluluskan dengan cadangan oleh En. Asram bin Sulaiman, Timbalan Pendaftar (FE) dan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat tanpa sebarang pindaan.

**Makluman : Semua**

## 4.0 PERKARA BERBANGKIT

### 4.1 Perkara 14.2 Sijil Joint Degree

En. Zurik Azham bin Aris memaklumkan bahawa terdapat sedikit masalah kerana pihak Tsukuba memerlukan sijil itu lebih awal tetapi telah berbincang dengan Pn Safriza binti Sabjah, AMD untuk diadakan perbincangan khas berkaitannya. Ini kerana markah tidak dapat disahkan pada JKTS bulan ini dan perlu dibawa pada bulan hadapan dan amat dekat dengan konvo di Tsukuba.

**Tindakan : MJIIT dan AMD**

## 5.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

Pn Safriza binti Sabjah, Penolong Pendaftar AMD membentangkan laporan seperti berikut:

5.1 Pemakluman berkaitan perubahan tarikh JKA dan JKTS P&P untuk pembentangan keputusan peperiksaan pada semester ini. Dimaklumkan juga mulai 7 hingga 26 Februari 2021 adalah minggu peperiksaan akhir dan pada tarikh yang sama sehingga 28 Februari 2021 adalah tempoh untuk pensyarah memasukkan dan menyemak markah ke dalam sistem. Pada kali ini jadual kerja agak padat dan dalam tempoh sama pelajar perlu menyemak markah dan membuat rayuan sekiranya ada rayuan markah sehingga 28 Februari 2021. Pada 1 Mac 2021 juga adalah tarikh akhir fakulti mengemukakan perubahan markah ke AMD dan tarikh yang sama fakulti perlu mencetak pelaporan keputusan peperiksaan (format lembaga) bagi Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKA) yang dijadualkan akan diadakan 2 hingga 4 Mac 2021.

5.2 Fakulti perlu mengemaskini markah iaitu pada 4 hingga 5 Mac dan fakulti perlu menyediakan salinan keputusan peperiksaan dan membuat semakan akhir untuk JKTS pada 5 hingga 6 Mac. Pada 7 Mac fakulti perlu menghantar salinan laporan peperiksan (format senat) untuk JKTS. Mesyuarat JKTS akan diadakan pada 8 hingga 9 Mac 2021 dan pada 10 Mac 2021 dijangkakan keputusan peperiksan boleh dilihat secara dalam talian.

**Makluman : Semua**

## 6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

### 6.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

#### 6.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM (SKA)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | BAHRAM MARABI | PA113107 |
| 2 | MARDHIYAH SYAHIDA BINTI BERHANUDDIN | PA113012 |
| 3 | ONG CHIN BOON | PKA173010 |
| 4 | TAN JIA YANG | PKA173006 |
| 5 | VYNOTDNI A/P RATHINASAMY | PKA173004 |

#### 6.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | ABIOYE ABIODUN EMMANUEL | PKE183018 |
| 2 | ADAMU YAU ILIYASU | PKE173037 |
| 3 | AHMED SABEEH YOUSIF | PKE183004 |
| 4 | AUWALU USMAN | PKE183016 |
| 5 | AZHAN BIN AB. RAHMAN | PE123007 |
| 6 | BASHAR MOHAMMAD OTHMAN | PKE173002 |
| 7 | HASAN THAER ABDULQADER AL-QARAGHULI | PKE163038 |
| 8 | MOHAMED NAGEH OKILY ATTIA | PKE173040 |
| 9 | MOHD SABRI BIN MINHAT | PKE173007 |
| 10 | NORAZLAN BIN HASHIM | PE123050 |
| 11 | ZOHAIB HUSSAIN | PKE173032 |

### 6.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (SKBSK)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | KARAR NADHUM JAWAD MUSAFER | PMB173026 |
| 2 | SASIKALA DEVI A/P THANGAVELU | PMB163029 |

### 6.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | ANGEL MAH XIN YEE | PKK183032 |
| 2 | MOHAMAD FAHRUL RADZI BIN HANIFAH | PKK153028 |
| 3 | MOHAMMAD ARIF BUDIMAN BIN PAUZAN | PKK173012 |
| 4 | MOHD SHAHRIZAN BIN MOSLAN | PKP173018 |
| 5 | MUHAMMAD IKHWAN BIN ZAMHURI | PKK163030 |
| 6 | MUHAMMAD SAUFI BIN TARMIZI | PK123055 |
| 7 | NOR HAZWANI BINTI MOHD ARIFFIN | PKK153004 |
| 8 | NUR FARZANA BINTI AHMAD SANADI | PKK173062 |
| 9 | NURUL HANIM BINTI RAZAK | PKK163011 |
| 10 | SYARIFAH NAZIRAH BINTI WAN IKHSAN | PKK173047 |
| 11 | YUSUF OLABODE RAJI | PKK183004 |

### 6.1.5 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SKM)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | MAHANUM BINTI MOHD ZAMBERI | PM133014 |
| 2 | MOHD. NORHAKEM BIN HAMID | PM123020 |
| 3 | MOHD HANIF BIN HARUN | PM113037 |
| 4 | SYED MOHD SAIFUL AZWAN BIN SYED HAMZAH | PM123113 |
| 5 | TAN BENG CHIAT | PM123048 |

#### 6.1.6 SEKOLAH KOMPUTERAN (SK)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | APRIL LIA HANANTO | PCS173003 |
| 2 | AOW YONG LI YEW | PC123085 |
| 3 | NORFADZLAN BIN YUSUP | PCS173023 |
| 4 | NOOR AZEERA BINTI ABDUL AZIZ | PC123014 |

**Tindakan : SPS & FK**

### 6.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR (FABU)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK | CATATAN MESYUARAT |
|---|---|---|---|
| 1 | ABDULKARIM KABIRU HARUNA | PBE173024 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 2 | AHMAD AZIM BIN ASHAR | PBE173007 | |
| 3 | AHMAD RAZALI BIN YUSOFF | PGH173014 | |
| 4 | AMALINA BINTI MOHD FAUZI | PBE153028 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 5 | AZMIAH BINTI ABD GHAFAR | PBE173008 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Untuk Pembetulan |
| 6 | BASHIR SALIM UMAR | PBE173023 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 7 | EIDAYU BINTI ROSLI | PBE173001 | |
| 8 | JAMILIA BINTI MOHD MARSIN | PB123008 | |
| 9 | JANATUN NAIM BINTI YUSOF | PBE153036 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 10 | MEGA SURIA BINTI HASHIM | PBE153031 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11 | MUHAMMAD-JAMIL ABUBAKAR | PBE173071 | |
| 12 | NUR AMIRAH ABD. SAMAD | PBE163003 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 13 | NURZULIZA BINTI JAMIRSAH | PBE173059 | Dipulangkan Semula Ke Fakulti untuk Pembetulan |
| 14 | TOH MING LIANG | PGH183007 | |

**Tindakan : SPS & FABU**

**6.3 FAKULTI SAINS (FS)**

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | AFIQ ARIF BIN AMINUDDIN JAFRY | PSC173114 |
| 2 | AKEREMALE OLUSOLA COLLINS | PSC173039 |
| 3 | ASHIRU ABUBAKAR GARBA | PSC173033 |
| 4 | HAMIZAH BINTI RASHID | PSC143050 |
| 5 | M JASMIN FATHI BIN JASNI | PS133023 |
| 6 | NISSHA BHARRATHI A/P ROMES | PSC173026 |
| 7 | NUR AZZANIZAWATY BINTI YAHYA | PSC173006 |
| 8 | NURSYAFIQAH BINTI ELIAS | PSC173111 |
| 9 | OMAR INAM MOHAMMEDAYOUB M | PSC163054 |
| 10 | RABI'ATUL 'ADAWIYAH BINTI MAT YUSOFF | PSC173022 |
| 11 | RABIU SALIHU | PMB173038 |
| 12 | SITI NOR ASIAH BINTI ISA | PS133022 |

**Tindakan : SPS & FS**

### 6.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

#### 6.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN (SP)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | ABDULLAH A. HARDAN ALTHAMIR ALMADADY | PPP163062 |
| 2 | ALSERHAN SARAH SALEH O | PPP163053 |
| 3 | GOPAL A/L R.MAHALINGAM | PPP183042 |
| 4 | MARJAN KARIMIPOUR | PPP153053 |
| 5 | MOHD NORAMDZAN B. MOHD. YUSOF | PP113203 |
| 6 | NUR'AIN BT BAHARIN | PP093076 |

#### 6.4.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | ANEES M. KHALIFA ABD ALDAIM | PIC173017 |
| 2 | MUHAMMAD TALHAH BIN JIMA'AIN | PIC183010 |
| 3 | MUSA BIN MUHAMAD ALI | PI133036 |
| 4 | TAZLIE SHAM BIN AB.RAHMAN | PIC153008 |

**Tindakan : SPS & FSSK**

### 6.5 FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK RAZAK (FTIR)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | AHMAD FARID BIN AMIN | PRS153025 |
| 2 | AHMAD SOYUTI HJ SABRAN | PD123021 |
| 3 | DAVENDREN VEREYA | ERS162006 |
| 4 | NUR FARHANA HORDRI | PAN153008 |
| 5 | MAZLAN BIN ISMAIL | ERS142003 |

**Tindakan : SPS & FTIR**

### 6.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | BINYAO NING | PBS173054 |
| 2 | GANA KAFIYA WAKIL | PHA173076 |
| 3 | MOHAMAD RIDHUAN BIN MAT DANGI | PHA173122 |
| 4 | NAJLA AYESH MUSLEH ABDULGHANI | PR123011 |
| 5 | RAMES A/L SIVADASAN | PBS172018 |
| 6 | SANAZ SAGHATI JALALI | PBS163046 |
| 7 | VOON SZE CHEE | PBS172010 |
| 8 | YE YE | PBS173053 |

**Tindakan : SPS & AHIBS**

### 6.7 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | AHMAD ADZLAN FADZLI BIN KHAIRI | PMJ173025 |
| 2 | FATIMAH AZIZAH RIYADI | PMJ173040 |
| 3 | NORHIWANI BINTI MOHD HAPIPI | PMJ183029 |
| 4 | SHAMSUL FAISAL BIN MOHD HUSSEIN | PJ123011 |

**Tindakan : SPS & MJIIT**

## 7.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

### 7.1 FAKULTI KEJURUTERAAN (FE)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

### 7.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM (SKA)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | NUR ZULZIKA BIN MOHAMMAD | MKA183008 |

### 7.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | MUHAMMAD FAIDZAL BIN MOHAMAD RASOL | MKE193006 |
| 2 | SII ZHI YING | MKE183006 |
| 3 | SULAIMAN ALI BIN MOHAMMAD | MKE173029 |

### 7.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | MOHAMAD KHAIRUL HAFIZ BIN IDRIS | MKK173012 |
| 2 | MOHAMAD RIDUAN BIN HASHIM | MKK173027 |
| 3 | NURUL NATASHA BINTI MOHAMMAD JAFRI | MKP173008 |

### 7.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SKM)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | MUHAMMAD ASMAWI BIN MOHD SOLIHEEN | MKM143041 |

### 7.1.5 SEKOLAH KOMPUTERAN (SK)

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | EKO ARIP WINANTO | MCS193002 |
| 2 | MUHAMMAD SULKHAN NURFATIH | MCS193001 |

**Tindakan : SPS & FE**

**7.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR (FABU)**

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | EZLINA BINTI MOHAMAD ESA | MBE163011 |
| 2 | HAZLINA BINTI MUSA | MGH173001 |
| 3 | KAMEELIA NOOR BINTI HAJA MOHIDEEN | MBE173017 |
| 4 | SHARIFAH NURULSYAFIQA AL-YAHYA BINTI HABIT NOH | MBE193008 |

**Tindakan : SPS & FABU**

**7.3 FAKULTI SAINS (FS)**

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | ALIA RAFIZA BINTI CHE AYOB | MSC183006 |
| 2 | MOHAMED REDZUAN BIN ABBAS | MMB173008 |

**7.4 FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN (FSSK)**

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

**7.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN (SP)**

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | MILASHINI A/P GANESEN | MPP183031 |

**7.4.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM (ATI)**

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | SYAKIRAH BINTI ZAHAR | MIC183009 |
| 2 | ZAIHAN BINTI RAMLI | MIC183007 |

**Tindakan : SPS & FSSK**

### 7.5 FAKULTI TEKNOLOGI DAN INFORMATIK RAZAK (FTIR)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | HO YING YING | MRS173002 |

**Tindakan : SPS & FTIR**

### 7.6 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

| NO | NAMA PELAJAR | NO MATRIK |
|---|---|---|
| 1 | FATIN FAZIRA BINTI ABD KARIM | MMJ183047 |
| 2 | MUHAMMAD SYAFIQ BIN RAZALI | MMJ183012 |
| 3 | SYAZWAANA BINTI MOHD NOOR | MMJ183013 |

**T**
**a**
**kan : SPS & MJIIT**

## 8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis seperti berikut:

| | NAMA PELAJAR | TARIKH AKHIR |
|---|---|---|
| 8.1 | CHAM YING KIT (MKE173010) - SKE | 24/01/22 |
| 8.2 | MUHAMMAD FARHAN SOHAIL (PKE163025) - SKE | 24/01/22 |
| 8.3 | CLEMENT CORNELIUS SCULLY (PM113084) – SKM | 22/01/22 |
| 8.4 | A.B.M ABU HAIDER (PG123063) – FABU | 22/01/22 |
| 8.5 | YUSRI BIN ZAKARIAH (PG123012) – FABU | 22/01/22 |
| 8.6 | KHOIRUNNISA BINTI UMAR (MBE173010) – FABU | 22/01/22 |
| 8.7 | MARIAH MASYKURAH BINTI AB HADI (MBE173005) – FABU | 22/01/22 |
| 8.8 | ROSELAN BIN NAYAN (PB123012) -FABU | 24/01/22 |
| 8.9 | HAZILA BINTI TIMAN (PAN163009) -FTIR | 24/01/22 |
| 8.10 | NUR ARZWIN BINTI MOHAMED ARIS (PRS153049) – FTIR | 22/01/22 |
| 8.11 | SAIDATUL SHAHRIN BIN SHUHAIMI (MMJ163020) - MJIIT | 22/01/22 |

**Tindakan : SPS & Fakulti**

**9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA / PENGERUSI BAHARU**

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

| | NAMA PELAJAR | TARIKH AKHIR |
|---|---|---|
| 9.1 | AHMAD HAFIZAL BIN MOHD YAMIN (PKM153024) - SKM | 24/01/22 |
| 9.2 | MOHAMAD IKHWAN BIN KORI (PKM143035) – SKM | 24/01/22 |
| 9.3 | MUHAMMAD SALMAN KHAN (PKM143040) – SKM | 24/01/22 |
| 9.4 | TANG KIEH MING (PG123041) – FABU | 22/01/22 |
| 9.5 | WAN AHMAD HAZMAN BIN WAN DAUD (PG123022) -FABU | 22/01/22 |
| 9.6 | NURUL FAZIRA BINTI SA'AT (MGH183005) – FABU | 22/01/22 |
| 9.7 | TAN YONG CHEE (PSC173019) – FS | 06/04/22 |
| 9.8 | NUR 'AFINI BINTI ISMAIL (MMJ173032) – MJIIT | 22/01/22 |
| 9.9 | NUR ANATI BAZILAH BINTI DAUD (MMJ173015) - MJIIT | 21/01/22 |

**Tindakan : SPS & Fakulti**

**10.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PEMERIKSA LUAR/PENGERUSI /PEMBANTU PENGERUSI BAHARU**

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelantikan panel pemeriksa/pemeriksa luar/pengerusi /pembantu pengerusi baharu seperti berikut:

**NAMA PELAJAR**

**10.1 <u>HICHAM CHOULI (PHA173128) - AHIBSJB</u>**

**Tindakan : SPS & Fakulti**

**11.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS**

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tempoh pembetulan tesis seperti berikut:

| | NAMA PELAJAR | TARIKH |
|---|---|---|
| 10.1 | FREDERICK JOSUE @ MOHD FADHIL ABDULLAH (PW113023) - SKBSK | 20/04/21 |
| 10.2 | NURHANNA BINTI MOHD ZAIDAN (PM113131) - SKM | 13/03/21 |
| 10.3 | MONGKOL KHAN (PB113079) – FABU | 13/03/21 |
| 10.4 | YOGI THEO RINALDI (MLP163003) – CASIS | 13/03/21 |
| 10.5 | MUSDAWATI (PH103258) – AHIBSJB | 16/03/21 |
| 10.6 | NOR FAEZAH BINTI GHAZI AHMAD (PBS163007) – AHIBSKL | 20/04/21 |
| 10.7 | MUHAMMAD FITRI BIN SHAHRIM (MMJ173027) - MJIIT | 25/04/21 |

**Tindakan : SPS & Fakulti**

## 12.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tesis berjilid seperti berikut:

| | NAMA PELAJAR | TARIKH |
|---|---|---|
| 12.1 | HAA WAI KING (PS103199) - FS | 30/01/21 |
| 12.2 | HANIFA (PSC173042) – FS | Selesai |
| 12.3 | MOHD SYAMSUL AFFENDY BIN MOHD SAIDI (PSC143067) -FS | Selesai |

**Tindakan : SPS & Fakulti**

## 13.0 PERMOHONAN PENGECUALIAN/PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF, PASANGAN STAF DAN ANAK STAF UTM

### 13.1 PENGECUALIAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF (PERINGKAT SARJANA FALSAFAH )

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program Sarjana bagi semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

| BIL | FAKULTI/ SEKOLAH | NAMA | NO MATRIK | KEPUTUSAN MESYUARAT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | SP | Mohideen Kutty bin Omar | MPP193010 | Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |
| 2 | AB | Muhammad Zaid bin Muhammad Shafie | MLA181003 | Diluluskan PengecualianYuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |

### 13.2 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI PASANGAN STAFF

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pengurangan 50% yuran pelajaran bagi pasangan staf UTM untuk program PhD dan Sarjana bagi semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

| BIL | FAKULTI/ SEKOLAH | NAMA | NO MATRIK | KEPUTUSAN MESYUARAT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | SKT | Siti Rohaida bt Muhammad Nor | PKK193044 | Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |
| 2 | SP | Fauziah binti Zaiden | PPP193032 | Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | SP | Nur Hidayah binti Junaidi | MPP191157 | Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |
| 4 | AB | Norrabiyah binti Ithnin | PLA203071 | Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |

**13.3 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI ANAK STAFF**

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pengurangan 50% yuran pelajaran bagi anak staf UTM untuk program PhD dan Sarjana bagi semester pengajian yang dinyatakan seperti berikut:

| BIL | FAKULTI/ SEKOLAH | NAMA | NO MATRIK | KEPUTUSAN MESYUARAT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | SKM | Muhammad Amri bin Mazlan | MKM173016 | Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021 |

**Tindakan : SPS & Jabatan Bendahari**

**14.0 HAL – HAL LAIN**

**14.1 Penghantaran Hardcopy Tesis**

En. Asram bin Sulaiman, Timbalan Pendaftar FE meminta pengesahan untuk penghantaran tesis di musim pandemik covid-19. Sama ada perlu menghantar hardcopy bagi projek sarjana.

Pengerusi memaklumkan bahwa pengurusan projek sarjana adalah dibawah fakulti dan pelajar boleh juga menghantar *softcopy* atau *hardcopy*. *Softcopy* dibenarkan untuk tujuan proses penganugerahan. Walau bagaimanapun, perlu membuat semakan/peringatan susulan

dengan pelajar terbabit untuk menghantar *hardcopy* kemudiannya kerana perpustakaan biasanya memerlukan *hardcopy*.

**Makluman : Semua**

**14.2 Penghantaran Notis Hantar Tesis pada Mesyuarat JAPSU Bulan Februari 2021**

Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh akhir menghantar tesis adalah pada 11 Mac 2021. Sehubungan dengan itu, ini bermaksud mesyuarat JAPSU bulan Februari adalah mesyuarat yang terakhir untuk memperakukan NHT bagi membolehkan penghantaran tesis pada 11 Mac 2021. Bagi NHT yang sudah terlepas pada bulan Januari ini maka hendaklah dibawa pada mesyuarat Februari yang akan datang. Mohon semua pentadbir fakulti mengambil maklum perkara ini untuk mengelakkan banyak perakuan dibuat secara edaran dan kesukaran yang berkaitan dengannya.

**Tindakan: Semua Fakulti**

**14.3 Bantuan Data Internet**

14.3.1 En. Zurik Azham bin Aris, Timbalan Pendaftar MJIIT meminta pandangan berkaitan data internet bagi staf yang terlibat dalam menguruskan VIVA. Memandangkan penggunaan peruntukan kepada belanja pengurusan VIVA yang telah berkurang dan ada penjimatan khusus pada penyediaan makanan, penginapan pemeriksa dan pengangkutan/penerbangan pemeriksa kerana VIVA dijalankan secara dalam talian, maka ianya dicadangkan utnuk boleh digunakan bagi membantu dan menampung data internet staf-staf terlibat. Universiti memberi 20% bajet kepada fakulti dengan menggunakan duit mengurus, tetapi pihak fakulti merasakan ianya boleh menggunakan tabung amanah yang diperuntukkan untuk pengurusan VIVA.

Pengerusi memaklumkan cadangan ini boleh dipertimbangkan. Pengerusi akan berbincang dahulu dengan pihak Bendahari dan meminta sedikit masa untuk memperhalusi cadangan ini . Pengerusi juga memohon agar pihak pentadbiran fakulti mengenalpasti staf yang akan menerima bantuan tersebut.

14.3.2 En. Asram bin Sulaiman, Timbalan Pendaftar FE mencadangkan agar membekalkan *dongle* internet kepada staf yang menguruskan VIVA.

Pengerusi menerangkan bahawa *dongle* hanya diberikan kepada seorang staf dan ianya tidak sesuai kerana ramai staf yang terlibat dan memerlukannya. Beliau dimaklumkan terdapat fakulti yang membenarkan staf membeli kredit internet yang ditetapkan dan membuat tuntutan kemudian.

**Tindakan : Urus Setia SPS**

**15.0 PENUTUP**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.51 pagi dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr

| **Disediakan oleh:** | **Semakan Pertama:** | **Semakan Kedua:** |
|---|---|---|
| **PUAN NORALIZA BT TASIRAN**<br>Setiausaha Pejabat<br>Sekolah Pengajian Siswazah | **PUAN EKA AMIRA BT RAHIM**<br>Penolong Pendaftar<br>Bahagian Pentadbiran & Kualiti Akademik<br>Sekolah Pengajian Siswazah | **EN. MOHD ZAIRES BIN MD DARIS**<br>Timbalan Pendaftar<br>Sekolah Pengajian Siswazah |